

Koperasi kredit perlu pelbagai sumber pendapatan

KLANG 7 Mei - Koperasi kredit di negara ini disaran menceburii bidang perniagaan baharu yang berimpak tinggi seperti harta-hanah, perkhidmatan kesihatan dan teknologi maklumat agar dapat bertahan lama dalam keadaan ekonomi yang mencabar.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan (Angkasa), Datuk Abdul Fattah Abdullah (**gambar**) berkata, sektor kredit yang menyumbang sebanyak 80 peratus daripada RM39.6 bilion perolehan koperasi pada tahun lepas, dilihat tidak lagi mampu berkembang berikutan isu peningkatan kos sara diri selain saingan daripada institusi kewangan lain.

"Untuk koperasi kredit ini

terus menjana pendapatan, ia perlu menceburii sektor lain yang berimpak tinggi dan Angkasa bersedia untuk menyalurkan bantuan seperti khidmat nasihat, dana dan kepakaran jika diperlukan.

"Saya percaya pendapatan koperasi kredit ini akan terus meningkat jika menceburii sektor yang lain kerana telah mempunyai anggota dan pengikut yang ramai yang yakin dengan produk koperasi berkenaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Koperasi Serbaguna Iman Malaysia Berhad



di sini semalam.

Katanya, mengambil contoh sektor hartanah, koperasi berkenaan bukan hanya membina rumah, malah menyediakan kemudahan pinjaman kepada anggota yang berminat membeli.

"Ini sekali gus bukan hanya dapat meningkatkan pendapatan koperasi tetapi turut memberi peluang kepada anggota koperasi yang mahu memiliki rumah dan hasil pendapatan koperasi ini kelak juga akan disalur kembali kepada anggota koperasi melalui dividen yang mereka terima setiap tahun," katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia